

Buletin



كرد سجا
KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA

MAJLIS DAERAH SIK 2024



Sekapur Sirih

YANG DIPERTUA

ssalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaan serta iradat-Nya, Buletin Majlis Daerah Sik dapat diluncurkan dengan jayanya. Buletin Majlis Daerah Sik, ini merakamkan pelaksanaan agenda pembangunan dan aktiviti Majlis Daerah Sik sepanjang tahun 2024. Setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh kakitangan dan agensi Kerajaan serta badan berkaitan Kerajaan yang terlibat secara langsung

mahupun tidak langsung dalam membantu mengurus serta mentadbir Majlis Daerah Sik. Semoga penghasilan Buletin Majlis Daerah Sik ini menjadi pemangkin kepada gerak kerja yang lebih kuat sehingga berjaya mengangkat nama Daerah Sik sebagai sebuah daerah yang terkenal di dalam Negeri Kedah Darul Aman nanti dengan izin Allah SWT.

Sekian, terima kasih



FAISAL RIZAL BIN MUHAMMAD
YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH SIK

Seulas Pinang

SETIAUSAHA

Syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia nikmat Islam dan iman, serta selawat dan salam buat Rasul junjungan Nabi Muhammad SAW yang menyampaikan risalah-Nya. Juga buat para Sahabat RA dan para pejuang agama kesejahteraan ini di sepanjang zaman. Buletin Majlis Daerah Sik diterbitkan ini adalah satu dari banyak usaha Majlis Daerah Sik dalam mengeratkan hubungan dengan rakyat seluruhnya terutama menerusi komunikasi sebaran maklumat. Ia tidaklah merakamkan setiap detik yang telah dilalui, tetapi seadanya menyenaraikan segala pelaksanaan bagi memenuhi tanggungjawab ke atas kehidupan rakyat dan pembangunan daerah tercinta ini.



Dengannya, saya berharap agar semua agenda Majlis Daerah Sik akan sampai ke pengetahuan segenap peringkat warga dan dapat diterima untuk bersama mendukungnya. Pun begitu, oleh keterbatasan yang ada, cakupan penerangan dengan setiap penjelasan dan fakta diberikan di sini tetap terbuka untuk dinilai atau diberikan reaksi, hatta diwacanakan oleh sekalian sesiapa jua. Paling penting ia akan dapat memberikan kebaikan buat kita semua untuk mencipta kesejahteraan masa depan yang diredhai Allah di dunia dan akhirat. Penghargaan saya juga buat semua pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penerbitan Buletin Majlis Daerah Sik kali ini.

MUHAMAD MIZAR BIN MORAT
SETIAUSAHA
MAJLIS DAERAH SIK

SIDANG REDAKSI BULETIN 2024



KETUA PENYELARAS / PENYUNTING
MUHAMAD MIZAR BIN MORAT



KETUA PENGARANG
MAZULIKA BINTI MAHMUD



PENOLONG KETUA PENGARANG
MOHD NAZIM BIN OTHMAN



PENGARANG
MUNIRATUL AKAMAR BINTI
MOHD ISA



PENGARANG
MOHAMAD ZAHIR BIN MD IDERIS



PENGARANG
MOHD FAUZI BI MD ISA



PENGARANG / JURUFOTO
HAZWAN BIN CHE UMAR

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT	CATATAN
SEKAPUR SIRIH & SEULAS PINANG	1 - 2	
SIDANG REDAKSI	3	
PERISTIWA DAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2024	5 - 35	



PENGANJURAN KURSUS MAJLIS DAERAH SIK JANUARI HINGGA FEBRUARI 2024

Pihak Pengurusan Majlis Daerah Sik telah menganjurkan dua kursus/ latihan untuk kakitangan Majlis Daerah Sik.



Bulan Januari Kursus Protokol, Etiket Sosial dan Pengurusan Majlis bertarikh 8-9 Januari 2024 (Isnin & Selasa) Penceramah: Puan Khairul Intan binti Daud (Intan Kampus Wilayah Utara). Penyertaan seramai 45 orang peserta

Bulan Februari Kursus Pemahaman Pekeliling Perbendaharaan Bidang: Pengurusan Wang Awam (Elaun & Bayaran Anggota Perkhidmatan Awam) bertarikh 5-6 Februari 2024 (Isnin & Selasa) Penceramah: Tuan Romzi bin Ishak (Unit Penyelaras Pelaksanaan ICU JPM) Penyertaan seramai 32 orang peserta.



KURSUS PROTOKOL, ETIKET SOSIAL DAN PENGURUSAN MAJLIS

Tarikh: 8-9 Januari 2024 (Isnin & Selasa)

Penceramah:

Puan Khairul Intan binti Daud (Intan Kampus Wilayah Utara)

Penyertaan: 45 orang Peserta



Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia Majlis Daerah Sik

KURSUS PEMAHAMAN PEKELILING PERBENDAHARAAN BIDANG: PENGURUSAN WANG AWAM (ELAUN & BAYARAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM)

*Tarikh: 5-6 Februari 2024 (Isnin & Selasa)
Penceramah: Tuan Romzi bin Ishak (Unit Penyelaras Pelaksanaan ICU
JPM) Penyertaan: 32 orang Peserta*



Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia Majlis Daerah Sik.

PENGANJURAN KURSUS MAJLIS DAERAH SIK BULAN JUN 2024



Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia, Majlis Daerah Sik telah menganjurkan kursus/ latihan untuk kakitangan Majlis seperti ketetapan berikut:

Bulan Jun

Tajuk: Kursus Pemantapan Perkhidmatan Pelanggan & Komunikasi Berkesan

Tarikh: 5 & 6 Jun 2024 (Rabu & Khamis)

1. Etika Perhubungan Pelanggan.
2. Teknik Komunikasi Berkesan.
3. Mencari Titik Kepuasan Pelanggan dan Jabatan.

Penceramah 1: Dr. Mohd Zuwairi bin Mat Saad (Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi Universiti Utara Malaysia (UUM))

Penceramah 2: Cik Nuredayu binti Omar (Pensyarah, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi Universiti Utara Malaysia (UUM))

Penyertaan: 43 orang Peserta.

Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia Majlis Daerah Sik.



Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia, Majlis Daerah Sik telah menganjurkan kursus/ latihan untuk kakitangan Majlis seperti ketetapan berikut:

Bulan Oktober 2024

Tajuk : Kursus Integriti dan Pemantapan Sahsiaah Diri

Tarikh : 7 Oktober 2024 (Isnin)

Fokus Kursus :

1. Etika & Integriti: Kepentingannya Kepada Perkhidmatan Awam.
2. Kesan Integriti Kepada Perkhidmatan Awam.
3. Hukuman & Implikasi Tatatertib Kepada Penjawat Awam.

Penceramah :

Encik Muhamad Fahmi bin Mahmud (Perunding Latihan Kanan Institut Tadbiran Awam Negara INTAN Wilayah Utara (INTURA))

PENGANJURAN KURSUS MAJLIS DAERAH SIK BULAN OKTOBER 2024



Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia Majlis Daerah Sik.





PROGRAM BERKONGSI REZEKI SUMBANGAN BARANGAN MAKANAN



Jabatan Perancangan, Pembangunan dan Landskap, Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia serta Unit PRO telah menjalinkan kerjasama bersama SLCP UUM, Sintok dalam program Khidmat Masyarakat Berkongsi Rezeki.



Penglibatan : Jabatan Perancangan, Pembangunan dan landskap, Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia dan Unit PRO, Majlis Daerah Sik.

Pameran Sempena Kopi Festival Di Pusat Latihan Charok Padang



22 Februari 2024 (Khamis)
Pusat Latihan Charok Padang



PRA MAJLIS PENDENGARAN AWAM DAN JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN DAN PENDENGARAN AWAM

19 FEBRUARI 2024 (ISNIN)
PENGLIBATAN YB MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA
PENGURUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN, KERAJAAN TEMPATAN DAN KESIHATAN





KARNIVAL SIK UNGGUL, SEJAHTERA, LESTARI DAN INKLUSIF

Tarikh: 1- 2 Mac 2024 (Jumaat & Sabtu)

Tempat : Masjid Al Islah dan Dataran Bandar Baru Beris Jaya
Penglibatan : Jabatan/Agensi/Swasta /NGO serta Komuniti Bandar Baru Beris Jaya

Antara program yg dianjurkan :

1. Jom Gi Fun Walk
2. Jom Gi Fun Ride
3. Jom Gi Check - Saringan Kesihatan
4. Pertandingan Karom Tertutup Daerah Sik
5. Pameran Jabatan/Agensi/Swasta/NGO



RANGKUMAN FOTO SEKITAR KARNIVAL SIK UNGGUL, SEJAHTERA, LESTARI DAN INKLUSIF 1 & 2 MAC 2024



PROGRAM WORLD QURAN HOUR - 2024 PERINGKAT DAERAH SIK, KEDAH DARUL AMAN

Bersempena Hari Nuzul Quran yang jatuh pada Tarikh 28 Mac 2024 / 17 Ramadan 1445H, Majlis Daerah Sik dengan kerjasama Masjid Ar Rahman, Pekan Sik telah menganjurkan Program World Quran Hours Peringkat Daerah Sik. Sekalung ucapan tahniah dan terima kasih di atas kerjasama AJK Masjid Ar Rahman dan kakitangan Majlis Daerah Sik yang menghadiri program ini. Bacaan Al Quran iaitu Surah Al Jumu'ah, Ayat 1 -11 telah di ketuai oleh Ustaz Muhd Husaini Muin bin Mazlan.



MAJLIS PERSARAAN TUAN MAHAMAD SUHAIMI BIN MAN, TUAN PEGAWAI DAERAH SIK MERANGKAP YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH SIK



Majlis dimulai dengan ketibaan Tuan Pegawai Daerah Sik merangkap Yang Dipertua Majlis Daerah Sik diiringi Tuan Setiausaha dan Pegawai Tadbir Negeri Kedah Daerah Sik serta dif-dif jemputan.

Pukulan Gendang Silat turut dimainkan sepanjang perjalanan ke pentas utama dan alunan Marhaban dari kumpulan Al Muhtadin yang mendapat tempat ketiga mewakili program Pentas Marhaban dianjurkan oleh stesen TV Al Hijrah.

Majlis diteruskan dengan bacaan doa dan tayangan video montaj penghargaan kepada Tuan Pegawai Daerah Sik merangkap Yang Dipertua Majlis Daerah Sik. Seterusnya ucapan yang diraikan oleh Tuan Mahamad Suhaimi bin Man mengimbau kembali bermula dari kecil sehingga ke hari persaraan beliau penuh dengan suka dan duka.

Di samping itu acara pemotongan kek serta penyampaian cenderahati dari semua jabatan dan agensi Daerah Sik kepada Tuan Pegawai Daerah Sik merangkap Yang Dipertua Majlis Daerah Sik.

Selamat bersara diucapkan kepada Tuan Mahamad Suhaimi bin Man.

Semoga persaraan dijalani dengan penuh kegembiraan, penuh keberkatan serta berbahagia bersama keluarga tersayang, sihat selalu dan dimurahkan rezeki.





Hari ini Majlis Daerah Sik bersama SWCorp Cawangan Sik dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Pemuda GEMA Kedah telah melaksanakan kempen MySaveFood Ramadan dan Value Food No Waste di Bazar Ramadan Pekan Sik.

Program yang telah diadakan selama tiga hari bermula 21 - 23 Mac 2024 melibatkan aktiviti sesi penerangan berkaitan kempen yang diadakan dan edaran pemplet kesedaran awam. Kempen ini telah berjaya mengumpul sebanyak 77.14 kg makanan/ minuman hasil dari sumbangan gerai-gerai Bazar Ramadan Pekan Sik. Makanan/ minuman tersebut telah diagihkan kepada surau, rumah anak yatim dan madrasah pengajian yang berhampiran.

Terima kasih dan syabas diucapkan kepada pihak Pemuda GEMA Kedah yang telah berjaya mewujudkan satu inisiatif dengan melibatkan para pelajar dari Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam melaksanakan kempen ini bagi memberi kesedaran kepada awam dan mengurangkan pembaziran yang berlaku di kebanyakan bazar Ramadan pada setiap tahun.

Terima kasih juga diucapkan kepada semua para peniaga yang telah menyumbang makanan/ minuman bagi merealisasikan program ini. Semoga sumbangan yang telah diberikan dihitung sebagai amal/ sedekah jariah di sisi Allah s.w.t.





Salah satu perkara yang sangat dituntut oleh Islam ketika bulan Ramadan adalah berkongsi rezeki (sedekah) sesama insan yang lebih memerlukan.

Tanggal 26 Mac 2024 jam 5:00 petang, pihak Majlis Daerah Sik dan SWCorp Cawangan Sik menghadiri jemputan ke Program Edaran Bubur Lambuk yang dianjurkan oleh Syarikat Environment Idaman Sdn. Bhd melalui Unit Perkhidmatan Daerah Sik bertempat di Tapak Bazar Ramadan Pekan Sik.

Program yang dijalankan telah mensasarkan sejumlah hampir 500 bungkus bubur lambuk untuk diedar kepada para peniaga dan pengunjung bazar Ramadan tersebut. Ianya tidak lain dan tidak bukan hanyalah bertujuan untuk berkongsi sedikit rezeki kepada penduduk setempat di mana tempat pihak Syarikat Environment Idaman Sdn. Bhd. sebagai konsesi pembersihan telah menabur bakti dalam kerja-kerja pembersihan awam sejak 15 tahun yang lalu di Daerah Sik ini.

Pihak Majlis Daerah Sik mengucapkan jutaan terima kasih di atas program berkongsi rezeki yang dianjurkan ini dan perkhidmatan pembersihan yang telah diberikan di Daerah Sik selama ini. Moga-moga amal kebajikan yang dibuat di bulan yang mulia ini menjemput redha & keberkatan dari-NYA ke atas organisasi Syarikat Environment Idaman Sdn. Bhd. ini.

**EDARAN BUBUR
LAMBUK
BERSAMA
ENVIRONMENT
IDAMAN SDN.
BHD. DAN
SWCORP**



SAMBUTAN AIDILFITRI 1445H / 2025





PROGRAM BERMALAM DI LANGIT SIK BERSAMA SAHABAT LANGIT UTARA (SALUT) DAN JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH



Program Bermalam Di Langit Sik bersama Sahabat Langit Utara (SALUT) dan Jabatan Mufti Negeri Kedah telah diadakan seperti berikut:

Tarikh : 4 – 5 Mei 2024

Masa : 6.00 Ptg – 12.00 T/Hari

Tempat : Masjid Nurul Iman, Gulau
dan Dataran Ikan Sebarau,
Tasik Beris



Program dimulakan dengan Kuliah Maghrib, Ilmu Falak di Masjid Nurul Iman, Kg. Gulau, Sik yang telah di anjurkan oleh Jabatan Mufti Negeri Kedah dan Pejabat Agama Daerah Sik. Antara pengisian lain sepanjang program berlangsung adalah :- i. Cerapan Meteor Eta Aquarid ii. Cerapan Planet dan Bulan iii. Cerapan Matahari iv. Amali Asas Penentuan Arah Kiblat Terima kasih Jabatan Mufti Negeri Kedah, Sahabat Langit Utara (SALUT) serta semua pihak yang terlibat secara langsung dalam dan tidak langsung dalam mempromosikan Daerah Sik sebagai destinasi pelancongan langit malam di Malaysia.



Hari : Rabu
Tarikh : 29 Mei 2024
Masa : 12.30 Tengah Hari

Kunjungan Hormat Daripada
Pengurus Besar YIKED BINA
Sdn. Bhd.



KUNJUNGAN HORMAT TIMBALAN BESAR, LEMBAGA
KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA) BERSAMA
PEGAWAI-PEGAWAI KEDA (BAHAGIAN NIAGA TANI)
DAN PEJABAT KEDA ZON IV KE MAJLIS DAERAH SIK
SERTA PENYERAHAN CEK BAGI BAYARAN CARUMAN
BANTU KADAR BANGUNAN MILIK KEDA.
TARIKH : 23 JULAI 2023 (ISNIN)



PROGRAM GOTONG-ROYONG SEMPENA KEMPEN BASMI TIKUS DI PASAR AWAM PASAR TANJUNG MAJLIS DAERAH SIK, PEKAN SIK BAGI TAHUN 2024



TARIKH: 17 JULAI 2024

HARI: RABU

**MASA: 8:00 PAGI - 1:00
PETANG**

**TEMPAT: PASAR AWAM,
PASAR TANJUNG MAJLIS
DAERAH SIK, PEKAN SIK**





PROGRAM JARINGAN KECEMERLANGAN SK CHEPIR DAN SK TAMAN UDA TAHUN 2024

UMajlis Daerah Sik (MDS) telah hadir ke Program Jaringan Kecemerlangan SK Chepir dan SK Taman Uda Tahun 2024 seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 24 Julai 2024 (Rabu)
Masa : 2.00 Petang – 5.00 Petang
Tempat : Sekolah Kebangsaan Chepir

Antara jabatan yang terlibat adalah Jabatan Perancangan, Pembangunan & Landskap dan Unit Perhubungan Awam & Komunikasi Korporat yang melibatkan seramai tujuh (7) orang kakitangan MDS. Antara pengisian sepanjang program berlangsung adalah :

- Demonstrasi Peluncuran RC Jet dan Drone
- Kaunter Pameran Draft Rancangan Tempatan Majlis Daerah Sik
- Kaunter Pameran Pelancongan Astronomi
- Lawatan ke PPKI dan Laman Semarak Minda





Majlis Daerah Sik (MDS) telah menganjurkan Program Jejak Langit Beris Dari Matahari Ke Bintang seperti ketetapan berikut:

Tarikh: 25 Julai 2024 (Khamis)

Masa: 10.00 Pagi – 1.00 Tengah Hari

Tempat: Sekolah Kebangsaan Chepir Antara jabatan yang terlibat adalah Jabatan Perancangan, Pembangunan & Landskap dan Unit Perhubungan Awam & Komunikasi Korporat yang melibatkan seramai lima (5) orang kakitangan MDS.

Antara pengisian sepanjang program berlangsung adalah:

- i. Pertandingan Poster anjuran Persatuan Pandu Puteri Daerah Sik
- ii. Ceramah 'Matahari Bintang Tunggal Sistem Suria'
- iii. Cerapan Matahari menggunakan teleskop dan cermin mata berpenuras.

Penyertaan melibatkan 60 orang pelajar dan 10 orang guru pengiring Persatuan Pandu Puteri Daerah Sik.

Tarikh : 25 & 26 Julai 2024 (Khamis & Jumaat)

Masa : 6.00 Petang - 8.00 Pagi

Tempat : Dataran Ikan Sebarau, Tasik Beris

Program Jejak Langit Beris Dari Matahari Ke Bintang meneruskan lagi program cerapan Milky Way@ Bima Sakti yang melibatkan 65 orang peserta yang berdaftar melalui QR code. Antara pengisian adalah :

1. Ceramah Penggunaan Aplikasi Stellarium
2. Cara Penggunaan Telefon Pintar bagi Pertandingan Astrofoto
3. Cerapan Mata Kasar dan Cerapan Teleskop oleh Jabatan Mufti Negeri Kedah
4. Penceritaan Buruj dan Bintang-bintang
5. Kuiz
6. Cerapan Matahari oleh SALUT

PROGRAM JEJAK LANGIT BERIS DARI MATAHARI KE BINTANG



PROGRAM FIT MALAYSIA@KOMUNITI PERINGKAT DAERAH SIK 2024



Majlis Daerah Sik (MDS) dengan kerjasama Pejabat Belia Dan Sukan Daerah Sik telah menganjurkan Program Fit Malaysia@Komuniti Peringkat Daerah Sik 2024 pada ketetapan berikut

Tarikh: 8 Ogos 2024 (Khamis)

Masa: 8.15 pagi

Tempat: Majlis Daerah Sik



Penganjuran program ini bertujuan membudaya dan merakyatkan sukan dalam kalangan masyarakat menerusi amalan gaya hidup aktif, cergas dan sihat seiring dengan kerangka Malaysia MADANI. Sehubungan itu, program ini melibatkan kakitangan MDS seramai 40 orang dan diiringi dua orang urus setia daripada Pejabat Belia Dan Sukan Daerah Sik .

Sekalung ucapan terima kasih diucapkan kepada Pejabat Belia Dan Sukan Daerah Sik telah memilih MDS sebagai rakan strategik penganjuran program.



PERARAKAN DAN PERBARISAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE - 67 PERINGKAT DAERAH SIK

SIK, 12 SEPTEMBER 2024 - Sedang berlangsung Perarakan dan Perbarisan Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-67 Peringkat Daerah Sik

Seramai 25 kontinjen kawad dan perarakan 9 pasukan kenderaan dari pelbagai jabatan dan agensi Daerah Sik menyertai perarakan dan perbarisan. Pelbagai persembahan dari sekolah-sekolah Daerah Sik dan persatuan-persatuan.

Kira-kira 1000 orang ramai dari pelbagai bangsa dan agama yang hadir bagi memeriahkan lagi sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Daerah Sik.

Majlis diserikan lagi dengan kehadiran Tuan Pegawai Daerah Sik, Tuan Faisal Risal bin Mohamad, YB Parlimen Sik, YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman, Pegawai Khas Kawasan YAB Menteri Besar, Tuan Haji Badrul Hisham, barisan Pegawai Tadbir Negeri Kedah (KCS) Pejabat Daerah dan Tanah Sik, ketua - ketua jabatan dan agensi Daerah Sik serta ahli-ahli Majlis Daerah Sik.



PROGRAM KEMAMPAHAN KOMUNITI BANDAR (PKKB) KARNIVAL KOMUNITI DAERAH SIK

23 September 2024 (Isnin)

7.30 Pagi – 2.00 Petang

Kompleks Sukan Perdana, Majlis Daerah Sik

Majlis Daerah Sik (MDS) dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan Program Kemampuan Komuniti Bandar (PKKB) Karnival Komuniti Daerah Sik

Antara pengisian yang telah dijalankan adalah seperti :

i) Pameran Jabatan/ Agensi/ Swasta/ NGO (Jabatan Mufti Negeri Kedah, Plan Malaysia Kedah, Pejabat Kesihatan Sik, Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah Sik, JPJ Alor Setar, Jabatan Zakat Kedah, SWCorp Sik/ Baling, Pejabat FAMA Daerah Sik, Pejabat Pertanian Sik, Kolej KEDA Sik, Biro Pengaduan Awam Malaysia, Tabung Haji Guar Cempedak, PTPTN Alor Setar, KWSP Sungai Petani, Hospital Pakar Metro, Syarikat Telekomunikasi Celcom Digi dan Pengusaha Kraftangan Sik (Pak Lah Maker)

ii) Senamrobik yang dikendalikan oleh Pejabat Belia dan Sukan Daerah Sik & Kelab Primadona

iii) Taklimat Keselamatan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia & Taklimat Ilmu Falak daripada Jabatan Mufti Negeri Kedah

iv) Pertandingan Mewarna Umur 5 & 6 Tahun (Pra Sekolah dan Tadika sekitar Daerah Sik)

v) Pertandingan Masakan & Gubahan (Masakan Ikan Baung dan Ikan Talapia & Gubahan Tuala)

vi) Pertandingan Khat/ Tulisan Jawi/ Kaligrafi Cina/ Tulisan Cina (Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah sekitar Daerah Sik)

vii) Persembahan Kesenian & Kebudayaan (Silat daripada Rumah Anak-Anak Yatim Putera), Tarian Cina (Pelajar SMK Sik), Tarian Siam (Komuniti Kg. Begia) dan Nyanyian (Pelajar Tingkatan 2 dari SMK Sik)

viii) Persembahan Pancaragam SK Seri Ampang Muda, Belantik

ix) Booth Jualan Kopi Sik (Kopi Tapaw, Kopi Tuah, Ayam Gunting Meletop & KKS R MDSIK)

x) Jualan Rahmah MADANI oleh KPDNHEP

xi) Cabutan Bertuah



Antara tetamu VIP yang hadir pada program ini adalah YBrs. Faisal Rizal bin Mohammad, AMK., BCK., iaitu Yang Dipertua Majlis Daerah Sik, YBhg. Mohd Zainal bin Mohd Nor iaitu Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YBhg. Ong Khar Hong iaitu Pegawai Kemajuan Perkampungan Daerah Sik/ Baling, Bahagian Kampung Baru, Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YBhg. Muhamad Mizar bin Morat, BCK., iaitu Setiausaha Majlis Daerah Sik, Puan Siti Azliza binti Sulaiman daripada PLANMalaysia Kedah, barisan Ahli-ahli Majlis MDS, dan Ketua-ketua Jabatan Daerah Sik.

Syukur ahamdulillah, program berjalan dengan lancar dan dianggarkan kehadiran melebihi 800 orang yang turut serta memeriahkan lagi program pagi hari ini. Terima kasih diucapkan kepada semua Jabatan/ Agensi/ Swasta dan NGO dan juga pengunjung yang hadir di atas sokongan anda semua kepada Majlis Daerah Sik.





MINGGU PROMOSI KESIHATAN PERGIGIAN (MPKP) BERSAMA KAKITANGAN MAJLIS DAERAH SIK PERINGKAT DAERAH SIK TAHUN 2024



PROGRAM KEMASYARAKATAN: JEJAK WARISAN DAERAH SIK



RUMAH REHAT SIK INN, MAJLIS DAERAH SIK

Untuk makluman telah diadakan Program Kemasyarakatan: Jejak Warisan Daerah Sik di bawah peruntukan Pejabat Setiausaha, Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Kedah. Antara aktivitiya adalah Pertandingan Treasure Hunt Jejak Warisan Sik, Pertandingan Sepak Raga Tuju, Pertandingan Batu Selambut, Pertandingan Masakan Tradisi dan Pertandingan Mewarna. Tahniah diucapkan kepada semua pemenang.



Selain itu, terdapat pelbagai aktiviti lain seperti Program Derma Darah, Saringan Pemeriksaan Kesihatan, Kaunter Khidmat Nasihat Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), KEDA Agrobiz, Booth Jualan Rahmah MADANI, Booth Jualan Produk AgroMas FAMA, Booth Jejak Kopi Sik dan juga Booth Pelbagai Jualan. Terima kasih diucapkan kepada pengunjung yang hadir, sambutan amat memberangsangkan.

Sekalung Terima kasih kepada Jabatan/Agensi yang terlibat memeriahkan lagi program hari ini iaitu Pejabat Kesihatan Daerah Sik, Hospital Daerah Sik, Klinik Kesihatan Jeniang, AADK Daerah Sik, FAMA Daerah Sik, KPDN Kedah, KEMAS dan Perpustakaan Awam Sik.

Kehadiran pengunjung dijangkakan melebihi 500 orang. Program ini dirasmikan oleh Tuan Setiausaha, Majlis Daerah Sik bagi mewakili Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Sik.



SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) merupakan sistem yang menilai tahap penyampaian perkhidmatan PBT di seluruh negara menerusi kaedah penggredan yang seragam. Ia bertujuan meletakkan PBT pada tahap kedudukan yang sesuai mengikut ranking untuk meningkatkan kapasiti daya saing setiap PBT dalam menyediakan perkhidmatan berkualiti pada peringkat tempatan.



Pihak pengurusan MDS merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada panel penilai KPKT dan seluruh warga kerja MDS atas komitmen dan kesungguhan yang telah diberikan dalam memastikan kelancaran sesi penilaian SPB PBT pada kali ini dan memperoleh 5 bintang. Tahniah diucapkan.



PERHIMPUNAN PAGI
TUAN YANG DIPERTUA
MERANGKAP PEGAWAI DAERAH SIK
BERSAMA SEMUA KAKITANGAN TIGA (3)
JABATAN IAITU MAJLIS DAERAH SIK ,
PEJABAT DAERAH SIK DAN PEJABAT
TANAH SIK. PERHIMPUNAN INI DIADAKAN
DI PERKARANGAN PARKIR SIK INN.





PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA PENGINDAHAN BANDAR SIK DI BAWAH PROGRAM LOCAL AGENDA 21 BAGI TAHUN 2024



Pada tanggal 2 Oktober 2024 (Rabu) bersamaan 28 Rabi'ul Awwal 1446H, Majlis Daerah Sik (MDS) telah menganjurkan satu program Gotong-royong Perdana Pengindahan Bandar Sik di bawah Program Local Agenda 21 (LA 21) bertempat di Dataran Sik Lestari, Sik, Kedah Darul Aman.

Program yang dijalankan ini mendapat suntikan dana daripada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ianya mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran seramai hampir 500 peserta yang terdiri daripada agensi kerajaan, swasta dan NGO di Daerah Sik.

Program yang bermula seawal jam 8:00 pagi ni dirasmikan oleh Yang Dipertua, Majlis Daerah Sik merangkap Pegawai Daerah Sik iaitu YBrs. Tuan Faisal Rizal bin Mohammad, AMK., BCK. Turut hadir ketika majlis perasmian tersebut ialah YBhg. Tuan Haji Mohd Zainal bin Mohd Nor, Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Tuan Haji Ahmad bin Sulaiman, ADUN Belantik, Tuan Setiausaha Majlis Daerah Sik, Ahli-Ahli Majlis, Majlis Daerah Sik, Ketua-Ketua Jabatan, agensi-agensi kerajaan, swasta dan NGO di Daerah Sik ini.



Aktiviti gotong-royong yang dijalankan ini melibatkan pembahagian empat (4) Zon di sekitar Bandar Sik bermula dari Kompleks Sukan Perdana Majlis Daerah Sik sehingga ke Stesyen Minyak Petron dan seluruh kawasan Seberang Pekan Sik di mana ianya meliputi kerja-kerja seperti kutipan sampah, pemotongan rumput di sepanjang jalan FT175 dan tebing Sungai Cepir, pemangkasan pokok-pokok yang tumbang akibat bencana ribut baru-baru ini dan pokok-pokok yang berisiko menyebabkan bahaya kepada orang awam, mengecat dua unit jambatan, mengecat *walkway railing*, mengecat *planter box* dan pasu bunga serta membuat pembersihan di Taman Awam Bandar Sik.

Sekalung tahniah dan jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program yang dijalankan ini. Penyertaan yang sangat menggalakkan ini telah membuktikan bahawa kerjasama yang erat di kalangan semua pihak dalam memberi perkhidmatan yang terbaik di Daerah Sik ini demi mencapai matlamat/ hasrat kerajaan untuk menjadikan Daerah Sik ini sebagai sebuah daerah yang berdaya huni, sejahtera dan mampan.



Kredit kepada:

Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Pusat Khidmat Masyarakat PARLIMEN Sik, Pusat Khidmat Rakyat DUN Jeneri, Pusat Khidmat DUN Belantik, Pejabat Daerah & Tanah Sik, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Sik, IPD Sik, JKR Sik, BOMBA Sik, JPS Kuala Muda/ Sik/ Baling, PLSM, SWCorp Sik/ Baling, Pejabat Agama Sik, JKM Sik, Pejabat Pertanian Sik, Jabatan Veterinar Sik, Pejabat FAMA Sik, KEMAS Sik, Pejabat Belia & Sukan Daerah Sik, APM Sik, RELA Sik, E-Idaman Sdn. Bhd. Sik/ Baling, THB Maintenance Sdn. Bhd.

Tidak dilupakan jua buat NGO yang turut sama menjayakan program pada hari ini iaitu:

Jabatan Khidmat Malaysia, Jabatan Amal Malaysia, Belia Sejahtera Sik, Madrasah Darul Ulum, Masjid Jamek Az-Zahrah Sg. Senam, PRT. Sg. Senam, Koperasi Pekan Selasa Sik (KPSS).

Semoga kerjasama sebegini dapat dikekalkan dan ditingkatkan lagi pada masa hadapan demi menjadikan Daerah Sik sebuah daerah seperti yang diharapkan seperti di atas.

Terima kasih dan jazakallah khairan khatira buat semua.



Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan hasrat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman untuk mengadakan Program Gotong-royong Perdana sempena Tahun Melawat Kedah (TMK) 2025.

Program yang telah dijalankan pada 19 Disember 2024 ini dilaksanakan secara serentak di dua lokasi iaitu DUN Jeneri (Sekitar Pekan Batu 5) dan DUN Belantek (Sungai Chepir berhampiran Sik Lestari) telah berjalan dengan lancar dan sempurna.

Program tersebut dilaksanakan meliputi pelbagai skop kerja/ tugas di mana kutipan sampah, pembersihan longkang dan pemotongan rumput dijalankan di lokasi Pekan Batu 5. Manakala di Pekan Sik, kerja-kerja pemotongan rumput dilaksanakan di beberapa kawasan tebing Sungai Chepir seperti Galeri Steps, Planter box, walkway dan kawasan belakang Dataran Sik Lestari.

Mudah-mudahan komitmen dan semangat kerjasama yang ditunjukkan dalam usaha memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat di Daerah Sik pada tahun 2024 ini akan dihitungkan sebagai amal kebajikan dan diganjarkan pahala di sisi Allah swt.



JELAJAH SIK

EXPLORE SIK

Unggul Sejarah Lestari Inklusif



Taman Negeri Ulu Muda
Lake, Forest, Sira,
Biodiversity



Tasik Beris
Lake, Forest,



Bandar Sik
Heritage, Sg. Chapir,
Commercial



Ibadah
Mosque, Madrasah,
Siamese Temple



Cerapan Bintang Tasik Beris
Astronomy, Lake, Forest



Lata Mengkuang
Waterfall, Forest,

